

SOLAT  
Kuala Lumpur  
dan kawasan yang  
sewaktu denganya  
SUBUH 6.00  
SYURUK 7.16  
ZUHUR 1.23  
ASAR 4.26  
MAGHRIB 7.25  
ISYAK 8.33

DITERBIT SEJAK 1957

# BERITA HARIAN

50 TAMUN MENGGISI KEMERDEKAAN

Isnin

26 Mac 2007

7 Rabiulawal 1428

E-mel:

bhnews@bharian.com.my

Tel:03-22822323

Fax:03-22822425

BH PILIH TA 26 emel

## F2M ajak pertahan keamanan

**P**ETALING JAYA: Friends to Mankind (F2M) atau Sahabat Insan mungkin masih terlalu asing kepada masyarakat tempatan, tetapi pertubuhan bukan berasaskan keuntungan (NGO) yang berpangkalan di negara ini sudah mengumpul ribuan sukarelawan dari seluruh dunia.

Pengasasnya, Dhyhan Vimal, berkata F2M diharap dapat dijadikan landasan global untuk menghimpunkan ramai masyarakat yang prihatin termasuk individu atau syarikat korporat untuk sama-sama berkempen memelihara kesejahteraan sejagat demi keamanan dunia.

Beliau berkata, sesiapa saja boleh menyertai pertubuhan berkenaan tanpa mengira kaum, darjat atau negara kerana tujuan utama penubuhannya adalah untuk meningkatkan kesedaran warga dunia supaya sentiasa bersatu padu dan menjauhi peperangan.

"Bersama harapan untuk menyatukan setiap insan, F2M antara pemangkin untuk mempertahankan keamanan muka bumi ini dengan menjalankan pelbagai aktiviti yang dirancang secara menyeluruh sebaik saja pelancaran rasmi pertubuhan ini September ini.

"Kami yakin, hanya penyatuan masyarakat saja yang mampu menentukan kesejahteraan sejagat dan kerana itu kami mengalu-alukan penyertaan orang ramai sama ada masyarakat tempatan atau antarabangsa demi merealisasikan hasrat murni ini," katanya.

Beliau berkata, F2M yang ditubuhkan awal tahun lalu sebenarnya lebih daripada pertubuhan amal apabila aktiviti mereka nanti turut menjurus kepada penganjuran acara sukan, persembahan artis, persidangan dan sebagainya yang dilaksanakan untuk mengumpul dana tabung mereka.

"Kita akan telus dari segi penganjuran acara atau pengumpulan dana khusus untuk membantu insan memerlukan seperti rumah anak yatim, golongan kurang upaya, warga usia emas atau mana-mana pihak yang memerlukan bantuan kerana mereka inilah antara pendorong penubuhan F2M.

"Setakat ini kita sudah mengenal pasti mereka termasuk sebuah rumah perlindungan untuk kanak-kanak di Chow Kit untuk dijadikan anak angkat. Bukan itu saja, jika kita tidak dapat membantu secara langsung, mungkin sukarelawan kita dapat berkongsi pengalaman atau sekurang-kurangnya menjalankan kerja sukarela di situ," katanya.

Vhimal yang turut menghasilkan buku berjudul Friends to Mankind berkata, kempen mengenai F2M hanya disebarkan menerusi mulut ke mulut yang kemudian dikongsi bersama masyarakat luar negara di internet.

"Apa saja aktiviti F2M boleh dicapai menerusi laman web, [www.friendstomankind.com](http://www.friendstomankind.com). Selain itu mereka yang berminat menjadi sukarelawan atau ingin mengetahui mengenai pertubuhan boleh terus menghubungi kami di talian 03-61577746," katanya.